

# i-Miliki tawar pengecualian duti setem pembeli rumah pertama

BH- 16/7/2022 m/s: 2

Tawaran antara 50 hingga 100 peratus bermula 1 Jun 2022 sehingga Disember 2023

Oleh Hazwan Faisal Mohamad dan Ahmad Suhael Adnan  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan memperkenalkan inisiatif pemilikan perumahan Keluarga Malaysia atau i-Miliki yang menawarkan pengecualian duti setem antara 50 peratus hingga 100 peratus untuk pembeli rumah pertama.

Mengumumkan perkara itu Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata i-Miliki yang membabitkan pemberian insentif pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah pertama secara peringkat atau tier harga rumah.

“Pertama bagi rumah berharga RM500,000 dan ke bawah, insentif pengecualian duti setem adalah sebanyak 100 peratus.

“Kedua bagi rumah berharga melebihi RM500,000 hingga RM1 juta, insentif pengecualian sebanyak 50 peratus. Pengecualian ini adalah bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan dalam tempoh mulai 1 Jun 2022

hingga Disember 2023,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Program Pemilikan Kediaman (HOPE) dan Karnival Jom Beli Rumah 2022 (KJBR) semalam.

Yang turut hadir Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican dan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

KJBR akan berlangsung pada 15 Julai - 17 Julai ini di Pusat Pameran Mid Valley di sini.

Ismail Sabri berkata, kerajaan melakukan pelbagai cara untuk memudahkan pemilikan rumah kediaman dalam kalangan Keluarga Malaysia seperti pemberian insentif pengecualian cukai duti setem bagi perjanjian pindah milik harta tanah dan perjanjian pinjaman.

## HOC masih diteruskan

“Insentif berkenaan yang mula diperkenalkan sejak Kempen Pemilikan Rumah (HOC) yang dimulakan pada 2019 hingga 2021, masih diteruskan bagi pembelian rumah pertama bernilai hingga RM500,000 hingga 31 Disember 2025.

“Walaupun pengecualian duti setem ini akan mengurangkan kutipan hasil kepada negara, saya ingin menegaskan bahawa tindakan ini adalah komitmen kita kepada Keluarga Malaysia dan kerajaan harus memperkukuhkannya.

“Untuk rekod, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) memaklumkan bahawa tuntutan penge-

## RAT TAWARAN PEMBELIAN KEDIAMAN PRIMER INISYARIF SKIM PEMBIAYAAN RENT-TO-OWN



Ismail Sabri menyampaikan surat tawaran kepada bakal pembeli pada majlis perasmian Program Pemilikan Rumah (HOPE) dan Karnival Jom Beli Rumah #JomMiliki di Kuala Lumpur, semalam. Yang turut hadir, Reezal Merican (kiri), Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ismail Abd Muttalib (dua dari kanan) dan Pengerusi Kumpulan Media Prima, Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunied.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

cualian duti setem di bawah HOC adalah sebanyak RM957.8 juta. Malah, tuntutan pengecualian duti setem paling tinggi adalah bagi harga rumah RM500,000 dan ke bawah,” katanya.

Perdana Menteri menambah, beliau juga dimaklumkan bahawa satu pemetaan Indeks Harga Rumah Mampu Milik yang pertama seumpamanya sedang dibangunkan oleh Kemen-

terian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebagai panduan kepada Keluarga Malaysia mengenai harga rumah mampu milik di seluruh negara.

“Oleh itu, saya berharap lebih banyak kediaman mampu milik dapat disediakan oleh pihak pemaju perumahan yang menepati had pendapatan Keluarga Malaysia berdasarkan lokaliti.

“Menjadi harapan saya supaya lebih banyak program ber-

sifat pendidikan diperhebatkan seperti Kempen Bijak Beli Rumah dan Pemilikan Kediaman pada Usia Muda.

“Ini pastinya dapat membantu Keluarga Malaysia khususnya pembeli rumah pertama mendapat pengetahuan mengenai pemilikan hartanah dan memudahkan mereka membeli kediaman idaman mengikut kemampuan masing-masing,” katanya.